

TINDAKAN APABILA BERLAKU KEBAKARAN

1. Kenalpasti tempat berlaku kebakaran dan jenis kebakaran,
2. Cuba kawal dan padamkan kebakaran, bunyikan isyarat kebakaran,
3. Sekiranya kebakaran merebak, hubungi Pejabat Pelabuhan, MRCC dan Pasukan Bomba dan Penyelamat,
4. Arahkan orang-orang awam meninggalkan tempat kejadian dan kumpulkan mereka di tempat yang selamat,
5. Teruskan usaha memadam api sehingga pasukan Bomba sampai,
6. Maklumkan kepada ahli Bomba tempat, jenis dan besarnya api serta maklumat lain yang diperlukan,
7. Beri bantuan kepada Bomba sekiranya diperlukan,
8. Lapurkan kepada Pengarah Laut Wilayah secepat mungkin dan seberapa lengkap maklumat kejadian untuk tindakan beliau.

TINDAKAN APABILA BERLAKU ORANG JATUH LAUT (MOB)

1. Apabila ternampak Orang Jatuh Laut, serta merta lontarkan kepadanya Pelampung Penyelamat dan cuba selamatkan mangsa,
2. Sekiranya orang itu hanyut dan tidak dapat diselamatkan, hubungi Pejabat Pelabuhan dan MRCC untuk minta bantuan,
3. Sentiasa perhatikan mangsa dan pastikan arah dan kedudukannya,
4. Hubungi balai Polis terdekat dan maklumkan kejadian serta minta bantuan,
5. Apabila pasukan penyelamat tiba, tunjukkan arah dan kedudukan mangsa,
6. Lapurkan kejadian kepada Pengarah Laut Wilayah untuk tindakan lanjut.

APABILA ORANG CEDERA ATAU SAKIT

1. Tanyakan kepada mangsa dan kenalpasti kecederaan atau sakitnya,
2. Berikan pertolongan kecemasan kepada mangsa,
3. Dapatkan butir-butir pengenalan dan sejarah penyakit, jika ada,
4. Sekiranya serius, buat panggilan kecemasan dan minta bantuan,
5. Maklumkan kepada Pegawai Perubatan maklumat mangsa dan serahkan mangsa kepada Pegawai Perubatan untuk tindakan mereka,
6. Lapurkan kejadian kepada Pengarah Laut Wilayah dengan segera untuk tindakan lanjut.